

## KEDUDUKAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) SEBAGAI ASNAF AR-RIQAB DI MALAYSIA

### *The Position of Disabled as Zakat Recipient under the Category of ar-riqab in Malaysia*

<sup>1</sup>Azman Ab Rahman

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
 azman@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Kajian ini dijalankan bagi menganalisis dan mengenal pasti kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) sebagai asnaf ar-riqab dalam konteks pada masa kini. Isu ini dapat dibincangkan dengan memahami perluasan konsep dan interpretasi asnaf ar-riqab berdasarkan ijtihad para ulama. Perluasan konsep dan interpretasi asnaf ini adalah penting agar ia lebih bersifat holistik dan bersesuaian dengan masalah semasa. Persoalannya, adakah perluasan konsep dan interpretasi ar-riqab ini membolehkan golongan OKU dikategorikan di bawah golongan ar-riqab dan apakah 'illah yang membolehkan mereka dimasukkan sebagai golongan ini? Justeru, objektif kajian ini adalah untuk memahami definisi sebenar asnaf ar-riqab menurut ulama' dulu dan kini termasuk fatwa-fatwa yang berkaitan dengannya serta mengetahui perluasan konsep dan interpretasi ar-riqab oleh para ulama. Kajian ini juga akan menilai kedudukan OKU sebagai asnaf zakat dan mengenalpasti kriteria-kriteria OKU yang boleh dimasukkan sebagai asnaf ar-riqab. Kajian mendapati bahawa bahawa OKU layak menerima zakat tetapi mestilah berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Syarak, Jabatan Kebajikan</i></p>	<p><i>This study is conducted to analyze and identify the status of disabled person as recipient. The issue is whether the disabled person can be considered as ar-riqab and what are the 'illah that allow this consideration? Thus, the objective of this study is to understand the definition of ar-riqab given by the previous scholars and contemporary jurists and also fatwas related to it. This study also intends to discover the new concept and interpretation of ar-riqab presented by the scholars and to justify whether the disabled person can be included as ar-riqab in Malaysia. The study found that disabled person is qualified to be recognized as recipient but it must follow the criteria and requirements prescribed by Shariah, the Department of Social Welfare and the Ministry of Health. As this matter is related to new ijtihad, it is important to comply with these requirements and criteria and to consider all aspects related to it before a specified legal provisions or hukm is issued. It is hope that this study may guide zakat institutions and the State Islamic Council in reviewing the issue conferred.</i></p> <p><b>Keyword(s):</b> Disabled person, recipient, zakat, ar-riqab, Malaysia</p>

Masyarakat dan Kementerian Kesihatan. Perkara ini penting kerana ia merupakan satu ijtihad yang perlu mengambil kira semua aspek sebelum sesuatu ketetapan hukum ditentukan. Diharapkan kajian ini menjadi panduan kepada institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri dalam melihat semula keperluan sama ada OKU layak diberikan zakat atau sebaliknya.

**Kata Kunci:** Orang Kelainan Upaya (OKU), Asnaf, zakat, ar-riqab, Malaysia

## PENDAHULUAN

Allah SWT telah menciptakan manusia sebagai satu masyarakat yang terdiri daripada pelbagai jenis bangsa, kaum dan warna kulit. Semua ciptaan Allah SWT ini mempunyai hikmah yang tersendiri. Sunnatullah juga telah menetapkan bahawa manusia akan diuji dengan ujian hidup sama ada sihat sejahtera, sakit atau cacat. Terdapat sebahagian manusia yang diuji dengan kecacatan pada pendengarannya, penglihatannya, anggota badannya dan sebagainya. Islam juga menekankan bahawa setiap manusia mempunyai hak dan kewajiban masing-masing yang perlu ditunaikan, begitu juga golongan OKU. Hak dan hukum kepada golongan OKU perlu diberi perhatian agar nasib golongan ini terbela, lebih-lebih di dalam masyarakat Islam yang menganggap mereka sebagai salah satu dari batu asas dalam pembinaan masyarakat yang baik. Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain” (al-Quran. al-Hujuraat 49: 13).

Penelitian melalui ayat daripada surah al-Hujurat di atas mendapati bahawa antara fokus utama ayat ini merujuk kepada pembentukan masyarakat yang berakhlak dengan menyantuni hak sesama insani. Salah satu konsep atau pra syarat bagi melahirkan masyarakat yang berkualiti berasaskan metode “al-Qudwah Qabla al-Dakwah” (menjadi teladan sebelum berdakwah) adalah untuk mengiktiraf kewujudan setiap individu masyarakat tanpa mengira bangsa, kelainan paras rupa, dan tahap keupayaan fizikal dan mental (Azman et al, 2014).

Pelbagai mekanisme dan agenda dapat dirangka dan dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat yang berkualiti. Salah satu daripadanya ialah dengan memperkasakan ekonomi bagi memastikan kesaksamaan sosial dan menjamin perpaduan dalam masyarakat. Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang memainkan peranan penting sebagai sumber ekonomi Islam sejak dulu hingga kini. Islam telah menggariskan hikmah dan objektif kewajipan membayar zakat khusus dalam membantu umat Islam serta menekankan bahawa semangat dan sifat zakat itu sebagai satu sistem jaminan penyelesaian atas segala kesulitan yang dialami umat Islam (KK US Noormala).

### OKU DI MALAYSIA

Golongan OKU di Malaysia secara amnya dirujuk sebagai anak istimewa, anak syurga, orang cacat, kurang upaya, kelainan upaya, dan berkeperluan khas. Kewujudan golongan ini dalam entiti sesebuah masyarakat sebenarnya memberi isyarat kepada masyarakat tentang peranan sosial komuniti terhadap keberlangsungan hidup golongan istimewa ini berasaskan tiga elemen utama, iaitu *'al-Ta'aruf'*, *'al-Ta'amul'*, dan *'al-Ta'awun'*. Elemen *'al-Ta'aruf'* merujuk kepada aspek mengenali antara satu sama lain dalam memahami dan menerima perbezaan dan kelainan mereka. Elemen *'al-Ta'amul'* bermaksud bermuamalah atau berinteraksi dengan mereka dengan menghormati budaya hidup golongan istimewa ini. Selain itu, elemen *'al-Ta'awun'* melengkapkan isyarat kewujudan golongan OKU ini, iaitu dengan memberi bantuan, memenuhi keperluan, dan mewujudkan ruang dan peluang kesamarataan dalam pelbagai aspek kehidupan (Azman et al, 2014).

Terdapat pelbagai terma yang digunakan untuk merujuk kepada definisi OKU. Dalam konteks ini, definisi OKU akan dirujuk sebagai 'Orang Kelainan Upaya' memandangkan istilah ini dilihat lebih positif. Perkara ini turut diketengahkan oleh bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak. Menurutnya dalam Utusan Malaysia (2012), golongan OKU ini harus dilihat dengan cara yang betul kerana yang berbeza bukanlah dari segi fizikal tetapi keupayaannya disebabkan oleh sesuatu sebab semula jadi atau kejadian yang diingini. Mereka wajar dinilai kebolehan mereka berasaskan kelainan keupayaannya yang berbeza dengan mereka yang dianggap sempurna.

Adapun penggunaan istilah orang cacat dan singkatan OKU yang merujuk kepada 'Orang Kurang Upaya' mengundang ketidakselesaan golongan ini kerana istilah tersebut menggambarkan sesuatu yang negatif sedangkan terdapat golongan OKU yang memiliki keupayaan yang istimewa berbanding golongan tipikal. Isu ini juga turut disentuh oleh Ab Aziz Mohd Zin et al. (2009) yang menyarankan agar penggunaan 'kurang upaya' digantikan dengan istilah yang lebih tepat iaitu 'Kelainan Upaya'. Menurut Kamus Dewan (2010), istilah 'kurang' bermaksud tidak atau kurang cukup,

tidak berapa (baik, maju, sihat, dan lain-lain), tidak sempurna. Manakala istilah 'cacat' pula bermaksud kekurangan atau keadaan kurang sempurna (lengkap, baik) pada badan (benda, perbuatan, akhlak, batin, dan lain-lain).

Tinjauan perbincangan definisi OKU mendapati, terdapat pelbagai pengertian OKU yang diistilahkan bagi menggambarkan keutamaan golongan istimewa ini dalam mendapat perhatian dan pembelaan sewajarnya. Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), OKU membawa maksud seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya, sebagai seorang individu yang normal, akibat dari kekurangan keadaan fizikal atau mental. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), OKU bermakna seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada daripada segi fizikal ataupun mental, sama ada ia berlaku semenjak lahir ataupun kemudiannya (Zinaida Ariffin, 2006). Menurut *Department of Health and Human Services, Texas*, OKU adalah seseorang yang terhalang fungsi pergerakannya yang memerlukan kemudahan yang direka bentuk khas seperti bangunan, peralatan dan kelengkapan serta susunan luar kawasan bagi mengatasi halangan pergerakan mereka itu (Reuter, 2001).

Terdapat beberapa pandangan lain berkaitan definisi OKU. Menurut Zinaida Ariffin (2006), OKU didefinisikan sebagai individu yang tidak berupaya menentukan sendiri sebahagian keperluan dirinya atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal ataupun mental dan memerlukan bantuan daripada orang lain untuk meneruskan kehidupan mereka. Rosmawati (2008) juga mempunyai pandangan yang hampir sama terhadap definisi OKU, iaitu sebagai orang yang mengalami keterbatasan mobilisasi (pergerakan) sama ada fizikal (anggota), mental (ringan, sederhana ataupun berat), penglihatan dan pendengaran. Wan Sabri et al. (2013) pula melihat bahawa OKU adalah individu yang mempunyai perbezaan dari segi ciri-ciri neurologi, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkahlaku dan emosi serta ciri-ciri fizikal.

Kesimpulannya, OKU di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kelompok masyarakat. Kelompok pertama terdiri daripada golongan kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak berkeperluan khas dan kelompok kedua pula terdiri daripada golongan istimewa dewasa dan warga tua (Ab. Aziz et al. 2009). OKU juga boleh dirumuskan sebagai kumpulan minoriti dalam masyarakat yang mengalami ketidakupayaan dari segi fizikal dan mental. Elemen-elemen seperti mengalami masalah penglihatan, masalah pendengaran, kecacatan fizikal, keupayaan mental dan intelek, masalah sensori, keupayaan komunikasi, dan kelainan tingkah laku sosial merupakan ciri-ciri yang merujuk kepada OKU.

Secara dasarnya, kementerian yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal golongan OKU di Malaysia ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Di bawah Kementerian ini, OKU dirujuk melalui Akta OKU (2008), iaitu mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan keberkesanan mereka dalam masyarakat. JKM yang ditubuhkan pada tahun 1946 merupakan sebuah badan atau jabatan yang bernaung di bawah KPWKM yang menawarkan perkhidmatan kepada golongan sasaran termasuk OKU.

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), golongan OKU digalakkan berdaftar di bawah agensi ini. Ini bertujuan untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi, latihan serta perkhidmatan. Ini bertujuan untuk merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU. Di samping itu, pendaftaran ini membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian menurut keperluan berdasarkan tahap kefungsi atau ketidakupayaan mereka. Jadual 1 di bawah menunjukkan kategori OKU sebagaimana disenaraikan oleh JKM:-

**Jadual 1: Kategori OKU Menurut JKM**

Bil.	Kategori	Catatan
1.	Kurang Upaya Pendengaran	<p>Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Terdapat empat (4) tahap yang boleh dikategorikan sebagai OKU Pendengaran, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minimum (<i>Mild</i>) - (15 - &lt;30 dB) (Kanak-kanak) - (20 - &lt;30 dB) (Orang Dewasa)</li> <li>• Sederhana (<i>Moderate</i>) - (30 - &lt;60 dB)</li> <li>• Teruk (<i>Severe</i>) - (60 - &lt;90 dB)</li> <li>• Sangat Teruk (<i>Profound</i>) - (&gt;90 dB)</li> </ul>
2.	Kurang Upaya Penglihatan	<p>Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. Terdapat dua (2) tahap OKU Penglihatan, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buta (<i>Blind</i>) Penglihatan kurang daripada 3/60 atau medan penglihatan kurang dari 10 darjah dari <i>fixation</i>.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad (<i>Low Vision / Partially Sighted</i>) Penglihatan lebih teruk dari 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantuan penglihatan atau medan penglihatan kurang dari 20 darjah dari <i>fixation</i>.</li> </ul>
3. Kurang Upaya Fizikal	<p>Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan yang mengalami keadaan seperti hemiplegia, paraplegia, tetraplegia, kehilangan anggota, kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti asas seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (trauma) atau ketidakfungsian sistem saraf, kardiovaskular, respiratori, hematologi, imunologi, urologi, hepatobiliari, muskuloskeletal, ginekologi dan lain-lain. Contoh ketidakupayaan fizikal:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Limb defects (congenital/acquired)</i>, termasuk kehilangan ibu jari tangan</li> <li>• <i>Spinal Cord Injury</i> - Hanya sekiranya tiada</li> <li>• <i>Stroke</i> - pengembalian fungsi</li> <li>• <i>Traumatic Brain Injury</i> - selepas enam (6) bulan</li> <li>• Kerdil (<i>Achondroplasia</i>) iaitu <math>\leq 142\text{cm}</math> bagi lelaki dan <math>\leq 138\text{cm}</math> bagi wanita</li> <li>• <i>Cerebral Palsy</i></li> </ul> <p><i>Nota: Individu yang mengalami keadaan kekurangan (impairment) tanpa menjejaskan fungsi, contohnya kehilangan jari, mempunyai lebih jari (polydactyly) dan tidak ada atau tidak sempurna cuping telinga tidak dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran.</i></p>
4. Kurang Upaya Pertuturan	<p>Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh. Bagi kanak-kanak mestilah berdasarkan penilaian pada umur lima (5) tahun ke atas. Sekiranya ada kemusykilan, Pakar Otorinolaringologi hendaklah dirujuk.</p>
5. Masalah Pembelajaran	<p>Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down,</p>

	lembap dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti <i>Austisme (Autistic Spectrum Disorder)</i> , <i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)</i> dan masalah pembelajaran spesifik seperti <i>Dyslexia, Dyscalculia dan Dysgraphia</i> .
6. Kurang Upaya Mental	Keadaan penyakit mental yang teruk yang telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua (2) tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami dan telah menjalani rawatan psikiatri, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat. Di antara jenis-jenis penyakit mental tersebut ialah <i>Organic Mental Disorder</i> yang serius dan kronik, <i>Skizofrenia, Paranoid, Mood Disorder (depression, bipolar)</i> dan <i>Psychotic Disorder</i> seperti <i>Schizoaffective Disorder dan Persistent Delusional Disorders</i> .
7. Kurang Upaya Pelbagai (Multiple Disabilities)	Mempunyai lebih daripada satu (1) jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam (6).

(Sumber: Laman Web Rasmi JKM)

## KEDUDUKAN OKU SEBAGAI ASNAF ZAKAT DI MALAYSIA

Perbincangan mengenai kelayakan dan kedudukan OKU sebagai penerima zakat boleh dilihat dalam konteks asnaf *ar-riqab*. Penentuan sama ada mereka berhak menerima zakat bergantung kepada penerimaan pemerintah dalam memperluaskan definisi asnaf *ar-riqab*. Justeru, kajian ini akan membincangkan definisi *ar-riqab* secara terperinci terlebih dahulu sebelum menentukan sama ada OKU layak menerima zakat atau sebaliknya.

### Konsep *ar-riqab* Dalam Islam

Allah SWT telah meletakkan kedudukan asnaf *ar-riqab* di dalam senarai penerima zakat pada posisi kelima iaitu dimulai dengan asnaf fakir, miskin, amil, muaf dan yang ke lima *ar-riqab*. Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْعَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنَّ السَّبِيلَ فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekakan hamba, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana” (al-Quran. al-Tawbah 9: 60).

*Dilalah* ayat 60 surah al-Tawbah di atas menerangkan tentang asnaf yang ditetapkan untuk mereka harta zakat dan ia merupakan *dilalah zanniyyah*. Maka ruang untuk berijtihad dalam memahami dan mempraktikkannya dalam kehidupan umat Islam di Malaysia masih terbuka luas (Rosman, 2013).

### **Definisi ar-riqab**

Perkataan '*ar-riqab*' merupakan perkataan jamak, kata tunggalnya ialah '*raqabah*'. *Raqabah* menurut etimologi bermaksud leher, penghujung bahagian kepala, atau sebelah atas bahagian badan. Manakala secara terminologi, *raqabah* bermaksud hamba yang dimiliki (Ibnu Manzur, 1990; Fairuz Abadi, 1978; al-Razi, 2000; al-Qurrah Daghi, 1992; Zulkifli, 2013). Al-Qurrah Daghi (1992) menyimpulkan, perkataan '*raqabah*' atau '*ar-riqab*' bermaksud leher atau tengkuk; sama ada ia dikaitkan dengan hamba atau orang merdeka. Berdasarkan kajian tidak terdapat takrifan yang khusus berkenaan definisi asnaf *ar-riqab* menurut bahasa mahupun istilah dan ianya masih tergantung bersifat umum.

### ***ar-riqab* Menurut Ulama Mutaqaddimun dan Muta'akhkhirun**

Para ulama *mutaqaddimun* dan *muta'akhkhirun* berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud '*ar-riqab*'. Jumhur ulama berpendapat '*ar-riqab*' yang layak menerima zakat hanyalah hamba *mukatab* iaitu hamba yang mahu dimerdekakan dan dia beragama Islam. Para ulama yang berpendapat seperti ini sepakat mengatakan harus memberikan sebahagian harta zakat kepada pemilik hamba tersebut untuk dimerdekakan hamba itu dan melangsaikan segala hutangnya. Tidak dibenarkan menggunakan harta zakat untuk membeli hamba kemudian hamba itu dimerdekakan dan juga tidak dibenarkan bagi kategori hamba yang lain selain hamba *mukatab* seperti hamba *tadbir*, *istilad*, atau *tab'idh*. Pendapat ini ialah pendapat 'Ali bin Abi Talib, Sa'id bin Jubayr, al-Layth, al-Thauriyy, ulama' Hanafiyyah, dan Shafi'iyah (al-Marghinaniyy, 1990; Ibnu al-Humam, 1995; al-Zayla'i, 2000; al-Babartiyy, 2007; Badr al-Din al-'Ainiyy, 2000; Ibnu 'Abidin, 1998; al-Khatib, 2008; al-Nawawiyy, 2000; Zakaria al-Ansariyy, 2001; al-Baijuriyy, 1999; al-Malbariyy, 2009; al-Bujairimiyy, 1996; Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Reda, 2002; al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah, 1990).



Ibnu ʿAbbas, Hasan al-Basri, Malik, Ahmad, Abu Thaur, Abu ʿUbayd, al-Bukhariyy, Ibnu Munzir, dan ulama' Malikiyyah pula berpendapat bahawa '*ar-riqab*' yang layak menerima zakat hanyalah hamba sahaya iaitu menggunakan harta zakat untuk membeli hamba lalu dimerdekakan. Mereka berhujah bahawa jika '*ar-riqab*' hanya merujuk kepada hamba mukatab, maka dia termasuk dalam kategori gharimin kerana dia berhutang kepada tuannya. Manakala menurut mazhab Hanafiyy, Shafi'iy dan salah satu pendapat Imam Ahmad, perbuatan tersebut adalah tidak dibenarkan (al-Qurafiyy, 2008; al-Khurasyy, 1997; al-Dusuqiyy, 2003; Muhammad ʿAbduh dan Muhammad Rashid Reda, 2002; al-Mawsuʿah al-Fiqhiyyah, 1990).

Sebahagian ulama seperti al-Shaukaniyy (1985) berpendapat, '*ar-riqab*' bermaksud hamba mukatab dan juga hamba yang dibeli kemudian dimerdekakan. Manakala salah satu pendapat Imam Ahmad, Ibnu Habib daripada mazhab Hanbaliyy, Ibnu ʿAbdul Hakam daripada mazhab Malikiyy, Fakhruddin al-Razi, dan Ibnu Taimiyyah pula menyatakan selain membebaskan hamba, diharuskan menggunakan sebahagian harta zakat untuk menebus tawanan (*al-asir*) yang beragama Islam daripada cengkaman orang kafir. Perbuatan ini adalah lebih utama, kerana jika membebaskan hamba sahaya yang dimiliki oleh orang Islam dianggap sebagai ibadah dan sedekah, maka lebih utama membebaskan tawanan Muslim daripada tangan orang kafir (al-Qurtubiyy, 1993; al-Qurafiyy, 2008; Ibnu Qudamah, 1994; Ibnu Muflih, 1997; al-Bahutiyy, 1996; Ibnu Najjar, 1999; al-Mawsuʿah al-Fiqhiyyah, 1990).

Kesimpulan perbezaan pendapat ulama tentang definisi *ar-riqab* menunjukkan perkembangan ijtihad ulama berkaitan definisi *ar-riqab*. Sebelum zaman Imam Ahmad (164H-241H), ijtihad para ulama hanya berkisar sama ada *ar-riqab* bermaksud hamba mukatab sahaja atau hamba sahaya sahaja. Manakala salah satu pendapat Imam Ahmad, definisi *ar-riqab* sudah diluaskan dengan dimasukkan orang Islam yang ditawan musuh. Namun ia masih lagi dalam suasana hamba, kerana adat peperangan zaman tersebut menjadikan tawanan perang sebagai hamba (Ibnu Qudamah, 1994).

### ***ar-riqab* Menurut Ulama dan Fatwa Semasa**

Para ulama semasa berbeza pendapat dalam mendefinisikan *ar-riqab* sebagai penerima zakat. Sebahagian ulama semasa dan fatwa semasa mentarjihkan pendapat yang mengatakan bahawa *ar-riqab* terdiri daripada tiga golongan iaitu hamba mukatab, hamba sahaya yang dibeli kemudian dimerdekakan dan tawanan perang. 'Illah kelayakan menerima zakat bagi *ar-riqab* adalah perhambaan. Pendapat ini merupakan pendapat Ibnu ʿAsyur (2000), ʿAbd al-Latif Hamzah (1983), Yusuf al-Qaradawiyy (2006), Wahbah al-Zuhayliyy (1991), Abdullah bin Mansur al-Ghufailiyy (2008) dan beberapa keputusan fatwa seperti fatwa Bayt al-Zakat Kuwait, Fatwa al-Lujnah al-Da'imah li al-

Buhuth al-'Ilmiyah wa al-'Ifta' Arab Saudi, Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Fatwa Mufti Kerajaan Brunei dan Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor 1991.

Al-Uthaimin (1413H) dan al-Qurrah Daghiyy (1992), berpendapat, selain golongan hamba dan orang yang ditawan, orang Islam yang diculik juga layak mendapat zakat dalam kategori asnaf *ar-riqab*. Hujah mereka, penculikan adalah termasuk dalam salah satu bentuk tawanan, maka orang Islam yang diculik juga termasuk dalam maksud *ar-riqab*.

Muhammad Rashid Reda (2002) dan Mahmud Syaltut (t.th.) berpandangan kos usaha membebaskan umat Islam yang dijajah boleh diambil daripada asnaf *ar-riqab*. Hujah mereka, penjajahan merupakan perhambaan yang jauh lebih merbahaya terhadap nilai keinsanan kerana perhambaan rakyat dan bangsa membabitkan pemikiran, harta benda, dan pemerintahan.

Daripada analisa pendapat ulama' mutaqaddimun, muta'akhhirun dan semasa, beberapa kesimpulan boleh dibuat:

- i. Mereka sepakat mengatakan hamba adalah maksud asal *ar-riqab*.
- ii. Mereka berselisih pendapat meluaskan maksud *ar-riqab* di luar konsep hamba.

Majoriti tidak menerima ijthid meluaskan maksud *ar-riqab* di luar konsep hamba. Sebahagian meluaskan maksud *ar-riqab*, namun masih berkaitan dengan hamba iaitu orang Islam yang ditawan, yang mengikut adat peperangan pada ketika itu, tawanan tersebut akan dijadikan hamba. Namun sebahagian ulama semasa cuba meluaskan lagi konsep *ar-riqab* dengan berbeza 'illah. Muhammad Rashid Reda dan Mahmud Syaltut berijthid bahawa bangsa yang dijajah adalah lebih besar mudarat berbanding seorang hamba. Selanjutnya beberapa fatwa dan amalan di Malaysia meluaskan qiyas tersebut dengan 'illah terbelenggu. Meluaskan konsep *ar-riqab* di luar maksud hamba dibantah oleh beberapa orang ulama semasa seperti Yusuf al-Qaradawiyy (2006), Wahbah al-Zuhayliyy (1991), dan Abdullah bin Mansur al-Ghufayliyy (2008). al-Ghufayliyy (2008) mengemukakan hujah:

- i. Tiada dalil dan hujah yang mengharuskan untuk memasukkan kemerdekaan rakyat diambil daripada saham '*ar-riqab*'.
- ii. Tiada keperluan untuk menggunakan saham *ar-riqab* untuk memerdekakan umat Islam yang dijajah, kerana ia boleh diambil daripada asnaf "fi sabilillah" atau daripada sumber am baitulmal selain zakat.
- iii. Penguasaan orang kafir terhadap umat Islam pernah berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW dan kurun ulama salaf al-soleh, namun tiada dinukilkan mereka memasukkan umat Islam yang dijajah dalam maksud *ar-riqab*.

Pendapat yang rajih adalah *ar-riqab* terdiri daripada tiga golongan iaitu hamba mukatab, hamba sahaya yang mahu dimerdekakan, dan orang Islam yang dieksploitasi (Arieff Salleh Bin Rosman et.al, 2013), termasuklah mereka yang dibelenggu dalam aktiviti pelacuran (Zulkifli al-Bakri, 2012). Hujah pentarjihan ialah:

- i. Lafaz '*wa fi ar-riqab*' dalam ayat 60 surah al-Taubah adalah lafaz umum yang tiada lafaz lain yang mengkhususkannya atau menghadkannya hanya kepada satu maksud sahaja. Lafaz *ar-riqab* menurut bahasa Arab secara hakikat bermaksud tengkuk atau leher. Manakala secara majazi bermaksud hamba yang dimiliki, kerana tengkuk mereka dibelenggu oleh tuan mereka kerana mereka tiada kebebasan diri. Menurut kaedah usul fiqh khususnya menurut Imam Shafi'iy, jika tiada bukti untuk mengkhususkan sesuatu maksud lafaz, maka lafaz hakiki, majazi dan musytarak dalam satu lafaz boleh digunakan dalam satu masa (al-Razi, 1999; Qurrah Daghi, 1992).
- ii. Terdapat ijthad ulama *mutaqaddimun* dan *mutaakhirun* yang tidak mengkhususkan lafaz *ar-riqab* hanya kepada hamba mukatab, bahkan ada yang berijthad orang Islam yang ditawan (*al-asir*) juga termasuk dalam maksud *ar-riqab*. Ini membuktikan lafaz *ar-riqab* masih dalam konteksnya yang umum dan tidak dikhususkan atau dihadkan maknanya.
- iii. Pendapat ulama semasa yang mengkhususkan lafaz *ar-riqab* hanya kepada hamba dilihat tidak konsisten dalam ijthad berkaitan golongan yang layak menerima zakat. Sebagai perbandingan, kenapa sebahagian besar ulama semasa bersetuju meluaskan maksud lafaz '*fi sabilillah*' di luar maksud tentera dan persiapan peperangan.

### **Aplikasi Konsep *ar-riqab* di Malaysia**

Sebahagian ulama dan fatwa di Malaysia meluaskan maksud *ar-riqab* berkesinambungan daripada ijthad Muhammad Rashid Reda dan Mahmud Syaltut. 'Illah *ar-riqab* dikaitkan dengan pembebasan individu daripada belenggu. Namun, perluasan definisi dan konsep *ar-riqab* ini berbeza menurut kepada fatwa yang dikeluarkan oleh majlis fatwa setiap negeri. Secara ringkasnya, ia boleh dibahagikan kepada tiga konsep utama iaitu belenggu kejahilan, belenggu dengan masalah sosial dan akidah dan belenggu dalam pelbagai aspek.

### **Belenggu Kejahilan**

Usaha bagi mengeluarkan individu dan masyarakat daripada belenggu kejahilan boleh diambil daripada harta zakat sepertimana Fatwa negeri Perlis menetapkan, "vi. Mesyuarat bersetuju. perbelanjaan yang dibuat oleh Pejabat Zakat dan Fitrah Negeri Perlis adalah mengikut Syariah Islamiah seperti

berikut:... d. *ar-riqab* (hamba). i. Basmi kejahilan. ii. Sekolah agama rakyat." (Mat Jahya b. Haji Hussin, t.th.).

Konsep *ar-riqab* yang sama digunapakai di Negeri Sembilan dengan membebaskan diri daripada kejahilan. Antara contoh agihan zakat kepada asnaf *ar-riqab* di Negeri Sembilan ialah: (1) Bantuan aktiviti pendidikan, termasuk aktiviti yang dibuat oleh sekolah, madrasah, pihak universiti dan sebagainya. (2) Program meningkatkan ilmu dalam kalangan masyarakat, termasuk program pembudayaan Al-Quran. (3) Dermasiswa pelajaran, termasuk dermasiswa pengajian timur tengah. (4) Bantuan persekolahan sekolah rendah dan menengah, bantuan Sekolah Menengah Agama, Sekolah Agama Rakyat, kelas agama petang, bantuan perpustakaan sekolah agama. (5) Urusan sekretariat timur tengah. (6) Elaun penyelia KAFA. (7) Bantuan pengajian sarjana dan PhD.

### **Belenggu Dengan Masalah Sosial dan Aqidah**

Ini merujuk kepada Fatwa Negeri Selangor. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 14 Jun 2011, telah memutuskan golongan penerima agihan asnaf *ar-riqab* adalah seperti berikut:

- i. Masalah Sosial:
  - (1) Terbelenggu dengan dadah (penagih dadah dan bekas penagih dadah);
  - (2) Terbelenggu dengan masalah jenayah syariah (minum arak, judi, zina, khalwat, mengandungi luar nikah, buang anak, sumbang mahram, persetubuhan, muncikari atau ibu ayam, menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam, mempersenda al-Quran dan hadis serta lain-lain yang berkaitan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995;
  - (3) Terbelenggu dengan amalan salah Islam (tidak solat, tidak puasa, usaha membunuh diri dan hidup bersama pelacur);
  - (4) Terbelenggu dengan gaya hidup songsang (pelacur, lesbian, homoseksual, maknyah atau transeksual, biseksual, pengkid, tomboy, gigolo dan bersekedudukan dengan orang bukan Islam);
  - (5) Terbelenggu dengan kes juvana (gengster, jenayah melibatkan harta benda, pergaduhan melibatkan kecederaan, rompakan, pecah rumah, rogol, jenayah melibatkan senjata merbahaya dan ugutan melibatkan keganasan);
  - (6) Terbelenggu dengan penyakit kronik (HIV/aids, kanser/barah, tibi, hepatitis dan penyakit-penyakit kronik lain).
- ii. Masalah Akidah:
  - (1) Terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat (doktrin palsu, mengaku menjadi Nabi, menghina Islam, dan pemujaan salah); Memurnikan akidah orang Islam yang terpesong (orang yang

ingin/berhasrat untuk murtad dan orang yang dalam proses istitabah).

### **Belenggu Dalam Pelbagai Aspek**

Pendapat ini adalah merujuk kepada amalan agihan zakat kepada asnaf *ar-riqab* di negeri Terengganu. Pihak Pengurusan Agihan Zakat negeri Terengganu mendefinisikan sinf *ar-riqab* sebagai “memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman-cengkaman dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu”. Berdasarkan data yang diberikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu agihan zakat kepada asnaf *ar-riqab* di negeri Terengganu ialah: Bantuan Pemurnian Aqidah / Pemulihan Akhlak, Bantuan Peningkatan Ilmu (Agama), Bantuan Penyelenggaraan Aset, dan Kontigensi / Pelbagai.

### **OKU SEBAGAI ASNAF ZAKAT**

Perluasan konsep dan interpretasi *ar-riqab* oleh para ulama telah membuka ruang yang melayakkan OKU diletak sebagai asnaf *ar-riqab*. Merujuk kepada peraturan-peraturan pendaftaran, pemulihan dan pengawalan *ar-riqab* (Negeri Selangor) 2013, Jadual (Peraturan 3), Senarai *ar-riqab* dalam Masalah Sosial, Kategori Enam: Terbelenggu dengan penyakit kronik menyatakan bahawa penyakit-penyakit kronik layak menerima bantuan zakat daripada asnaf *ar-riqab*. Ini jelas menunjukkan bahawa OKU layak menerima zakat tetapi terikat dengan kategori OKU.

Keputusan Jawatankuasa Fatwa Terengganu menyatakan bahawa oleh kerana *ar-riqab* ditafsirkan sebagai cengkaman, pembelengguan, ancaman dan kecelaruan hidup. Maka diputuskan bahawa zakat harus diberikan kepada golongan OKU kerana mereka mempunyai sifat-sifat *ar-riqab* di atas yakni mereka terkongkong dengan keterbatasan fizikal atau mental mereka dan keadaan masa depan mereka yang melibatkan pendedahan pendidikan Islam dan bantuan kebajikan. Namun pemberian zakat kepada mereka mestilah ditentukan berdasarkan penelitian terhadap situasi yang dialami oleh OKU tersebut seperti berikut (Muda, 2013):

- i. Sekiranya mereka miskin atau fakir, maka hendaklah bantuan zakat itu diberikan kepada mereka atas saham *ar-riqab* dengan kadar yang menyebabkan mereka bebas dari sifat-sifat di atas sehingga mereka boleh berdikari. Sebagai contoh, memberikan modal yang mencukupi untuk mereka memulakan perniagaan dalam bidang yang sesuai dengan potensi dan bakat mereka. Pemberian modal tersebut sebaiknya diatur dengan strategi yang tersusun dari pihak yang menguruskan agihan dana zakat setiap negeri. Contohnya, pemberian

- bantuan zakat secara beransur-ansur dalam setahun serta menjalankan pemantauan terhadap perniagaan mereka dari masa ke semasa.
- ii. Sekiranya OKU tersebut adalah dari kalangan orang yang berada tetapi mereka tidak mengetahui cara untuk melepaskan diri dari sifat-sifat belunggu seperti yang dinyatakan di atas, mereka berhak untuk mendapat bantuan dalam bentuk latihan seperti kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak-pihak dan agensi-agensi yang berkaitan dengan menggunakan dana zakat yang telah ditetapkan.
  - iii. Sekiranya mereka adalah orang yang berada dan mampu untuk membebaskan diri dari sifat-sifat belunggu di atas sama ada dengan usaha sendiri atau dengan bantuan orang menanggung nafkahnya, maka mereka ini tidak layak untuk menerima zakat.

Multaqa Asatizah dan Du'at (Murshid) atau Himpunan Para Ustaz dan Pendakwah telah mencadangkan serta menyeru secara terbuka agar pihak yang berkaitan seperti pihak zakat negeri-negeri, baitulmal dan institusi mufti menilai golongan OKU ini untuk dimasukkan dalam perluasan skop beberapa asnaf zakat.

Skop pertama yang dicadangkan ialah OKU dimasukkan sebagai asnaf fakir miskin kerana tiada khilaf jika sesiapa pun yang termasuk dalam kategori fakir dan miskin maka mereka layak dan berhak menerima zakat. Jika sekiranya orang kelainan upaya (OKU) ini tidak mampu bekerja, tiada upaya berusaha dan tidak juga mempunyai sesiapa untuk menyara hidup mereka sama ada ibu bapa atau saudara terdekat, maka dia berhak dikategorikan sebagai layak menerima zakat dan golongan ini boleh dimasukkan dalam asnaf fakir dan miskin. Namun, sekiranya mereka punya ibu bapa atau saudara terdekat yang berharta maka mereka adalah di bawah tanggungan keluarga dan tidak berhak menerima zakat.

OKU juga mungkin boleh diterima sebagai asnaf *fi sabilillah*. Dalam skop ini, Murshid memilih pandangan *Majma' Fiqh Islami* dan *Nadwah Pertama Isu-isu Zakat Semasa* yang merumuskan bahawa jihad *fi sabilillah* merangkumi jihad dengan makna yang umum sama ada jihad dengan tangan (tenaga), jihad harta atau jihad menerusi lisan atau pena. Ini meliputi jihad (berperang) pada jalan Allah dan juga segala aktiviti melibatkan dakwah pada jalan Allah.

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan bahawa OKU layak menerima zakat tetapi mestilah berdasarkan kriteria dan syarat yang perlu ditetapkan menurut pandangan JKM dan Kementerian Kesihatan. Perkara ini penting kerana ia merupakan satu ijtihad yang perlu mengambil kira semua aspek sebelum sesuatu ketetapan hukum ditentukan. Walaupun OKU mempunyai ruang untuk menerima zakat namun ketetapan ini perlu diikat dengan kriteria dan syarat serta tidak bertentangan dengan syarak.

Memandangkan JKM merupakan jabatan yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal OKU di Malaysia, maka kajian ini mencadangkan agar pihak yang menguruskan agihan dana zakat setiap negeri agar bekerjasama dengan JKM dan Kementerian Kesihatan dalam menentukan sama ada OKU layak menerima zakat atau sebaliknya.

## PENUTUP

Umat Islam digalakkan untuk bersikap lebih kreatif dan dinamik dalam memperluaskan kefahaman dan mendimensikan tafsiran ke atas *ar-riqab*. Ini kerana skop *ar-riqab* yang asal iaitu membebaskan manusia yang menjadi hamba daripada tuannya perlu dilihat dan dikaji semula. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat OKU yang dibelenggu dengan kekurangan fizikal dan mental yang sesungguhnya menghadapi pelbagai kesukaran dalam menjalani kehidupan seharian. Sekiranya mereka layak menerima zakat berdasarkan illah terbelenggu dengan keterbatasan fizikal dan mental, sudah pasti ia akan mengangkat lebih tinggi martabat zakat dan Islam sebagai satu-satunya agama yang turun dari langit untuk mencurahkan kesejahteraan di atas muka bumi, khususnya umat Islam di negara ini. Perlu ditekankan bahawa sekiranya pemberian zakat kepada OKU ingin dilaksanakan, ia mestilah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah digariskan agar dana zakat yang diagihkan bertepatan dengan syarak dan keperluan mereka. Diharapkan kajian ini membawa inovasi kepada perluasan konsep dan interpretasi asnaf *ar-riqab* dalam wajah dan versinya yang baru dan berbeza dengan mengusulkan OKU sebagai satu golongan yang mempunyai ruang untuk diletakkan di bawah lingkungan asnaf *ar-riqab*.

## RUJUKAN

Al-Quran

- al-Babartiyy, Akmal al-Din Muhammad bin Mahmud al-Hanafi (2007). *al-Inayah syarh al-Hidayah*. Sunt. Abu Mahrus 'Amru bni Mahrus. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Baijuriyy, Ibrahim (1999). *Hasyiah Sheikh Ibrahim al-Baijuriyy 'ala syarh al-'Allamah Ibn al-Qasim al-Ghazziyy 'ala matn al-Syeikh Abi Syuja'*. Sunt. Muhammad 'Abd al-Salam Syahin. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris (1996). *Syarh muntaha al-'iradat*. Cet. ke-2. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- al-Bujairimiyy, Sulayman bin Muhammad bin 'Umar al-Shafi'iyy. 1996. *al-Bujairimiyy 'ala al-Khatib*. Jil.3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Dusuqiyy, Muhammad bin Ahmad bin Urfah (2003). *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-syarh al-Kabir*. Cet. ke-2. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

- al-Ghufayliyy, Abdullah bin Mansur. (2008). *Nawazil al-zakah: dirasah fiqhiyyah ta'siliyyah li mustajaddat al-zakah*. Kaherah: Dar al-Maiman.
- al-Khatib, Muhammad al-Syarbiniyy (2008). *al-Iqna'*. Terj. M. Mujib et.al. Johor Bahru: Jahabersa.
- al-Khurasyyiyy, Muhammad bin 'Abd Allah bin 'Ali (1997). *Hashiyah al-Khurasyyiyy 'ala mukhtasar sidi Khalil*. Sunt. Zakariya 'Umairat. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Marghinaniyy, Burhan al-Din Abu al-Hasan 'Ali bin Abi Bakr bin 'Abd al-Jalil al-Rashdaniyy (1990). *al-Hidayah syarh badayah al-mubtadi*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah* (1990). Jil. 23. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Nawawiyy, Abu Zakariya Muhyi al-Din bin Syaraf (1995). *Kitab al-majmu' syarh al-muhadhdhab li al-Syiraziyy*. Sunt. Muhammad Najib al-Muti'i. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Qaradawiyy, Yusuf (2006). *Fiqh al-zakat: Dirasah muqaranah li ahkamiha wa falsafatiha fi dau' al-Qur'an wa al-sunnah*. Cet. ke-25. al-Qaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qurafiyy, Shihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin Idris bin 'Abd al-Rahman al-Sonhajyy al-Misriyy (2008). *al-Zakhirah fi furu' al-Malikiyyah*. Ed. ke-2. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Qurrah Daghiyy, 'Ali Muhyi al-Din (1992). *Nazarat muta'assilah fi masraf ar-riqab wa mada jawaz daf' al-zakat fi fidiyah al-asir wa al-mukhtataf*. 'Amman: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Qurtubiyy, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansariyy. (1993). *al-jami' li ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- al-Raziyy, Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd al-Qadir (2000). *Mukhtar al-sihah*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- al-Syaukaniyy, Muhammad bin 'Ali (1985). *Kitab al-sail al-jarrar al-mutadaffiq 'ala hada'iq al-azhar*. Sunt. Mahmud Ibrahim Zaid. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Zayla'iyy, Fahr al-Din Uthman bin 'Ali al-Hanafiyy (2000). *Tabyin al-haqa'iq syarh kanz al-daqa'iq*. Sunt. Ahmad 'Izzu 'Inayah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ab. Aziz Mohd Zain et al. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah, M. (2012). *Orang Kelainan Upaya atau Orang Kurang Upaya?* [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my) (diakses pada 9 Februari 2014).
- Arieff Salleh bin Rosman, Azman Ab Rahman dan Muhamad Firdaus Ab Rahman. (2013). *Kedudukan ar-riqab Sebagai Penerima Zakat Dalam Konteks Masa Kini*. Makalah, telah dibentangkan di Muzakarah Zakat Peringkat



- Kebangsaan Siri 1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Arieff Salleh bin Rosman *et.al.* (2013). *Garis Panduan Pengurusan Zakat Asnaf ar-riqab dan Gharimin: Satu Analisis Kontemporari*. Geran Penyelidikan Isu Kefatwaan JAKIM. Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST) UTM dan Jabatan Mufti Negeri Johor.
- Azman Ab. Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein `Azeemi Abdullah Thaidi, Mohammad Naqib Hamdan. (2014). *Fiqh Jenayah Orang Kurang Upaya*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Badr al-Din al-'Aini, Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin al-Husayn (2000). *al-Banayah syarh al-hidayah*. Sunt. Ayman Saleh Sya'ban. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Fairuz Abadi, Majd al-Din Muhammad bin Ya'kub al-Syiraziyy (1978). *al-Qamus al-muhit*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Misriyy (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Wahid al-Sakandariyy (1995). *Syarh fath al-qadir*. Sunt. 'Abd al-Razzaq Ghalib al-Mahdi. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar bin 'Abd al-'Aziz (1998). *Rad al-muhtar 'ala al-dur al-mukhtar*. Sunt. Muhammad Subhi Hasan Hallaq dan 'Amir Husayn. Jil. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibnu Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad al-Maqdisiyy (1994). *al-Mughni 'ala mukhtasar al-Kharqi*. Sunt. 'Abd al-Salam Muhammad 'Ali Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibnu Muflih, Syams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad al-Maqdisiyy al-Hanbali (1997). *al-Furu'*. Sunt. Abu al-Zahra' Hazim al-Qadi. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibnu Najjar, Taqiy al-Din Muhammad bin Ahmad al-Futuhiyy al-Hanbaliyy (1999). *Muntaha al-'iradat fi jam' al-muqni' ma'a al-tanqih wa ziyadat*. Sunt. 'Abd Allah bin 'Abd al-Hasan al-Turki. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibnu 'Asyur, Muhammad al-Tohir (2000). *Tafsir al-tahrir wa al-tanwir*. Jil. 10. Beirut: Mu'assasah al-Tarikh.
- Kamus Dewan. (2010). Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Syaltut (t.t). *Al-Fatawa*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Mahmud Syaltut (t.t). *al-Islam 'Aqidah wa al-Shariah*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Mat Jahya b. Haji Hussin, t.th.. Pengagihan Zakat di Perlis. Diakses daripada <http://www.e-infad.my> pada 5 Januari 2013.
- Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Reda (2002). *Tafsir al-manar*. Sunt. Samir Mustafa Rabab. Jil. 10. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Reuter,N. (2001). Department of Health and Human Services, Texas. Federal Register. Vol.
- Rosmawati Sulaiman. (2008). Faktor-faktor Pendorong Golongan Orang Kurang Upaya.
- Sahibul Samahah Dr. Zulkifly Bin Muda. (2013). *Kedudukan ar-riqab Sebagai Penerima Zakat: Fatwa dan Amalan di Negeri Sembilan*. Makalah, telah dibentangkan di Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan siri 1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Zakaria al-Ansari, Abu Yahya al-Syafi'i (2001). *Asna al-matalib syarh raud al-tolib*. Sunt. Muhammad Muhammad Tamir. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Zinaida Ariffin. (2006). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. Bentong: PTS Professional.
- Zulkifli bin Muhammad al-Bakri. (2013). *ar-riqab: Tafsiran aplikasi semasa dari sudut Syarak*. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. Vol 6, No2, 2012.
- Wan Sabri Wan Husin et al. 2013. *Model Pembangunan Institusi Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa*. The 3<sup>rd</sup> Annual International Quranic Conference, Centre of Quranic Research (CQR), 13-14 March 2013, Universiti Malaya.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*